# "Adakah salah terima royalti buku sendiri?" kata Dr. M.

"MAHATHIR jawab Asri mengenai 'The Malay Dilemma' — 'Adakah salah saya terima royalti buku saya sendiri?'", begitulah bunyi sebuah kepala bersaiz separuh besar yang terpapar di muka 3 Utusan Melayu bertarikh Jun 29, 1978.

Berita di bawahnya pula, di antara lain, berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir mengaku bahawa beliau memang memberi kebenaran kepada sebuah pencitak di Republik Singapura bagi mencitak semula buku tersebut dan ada menerima bayaran royalti dari pencitak berkenaan.

* * *

## Komen Penulis

Wah! Jika royalti dari penjualan di luar negeri (bukan pula negeri kominis) sebuah buku hasil titik peluh sendiri, yang dikarang bukan di waktu si-penulisnya berkhidmat sebagai anggota Jumaah Menteri, tapi di ketika ianya berada dalam "political wilderness", dianggap "haram", maka pada hemat penulis, ini adalah satu pertanda kurang sihat yang menunjukkan bahawa negara kita telah mula menghala ke arah demokrasi tukul besi! Dan jika tak kena gayanya, pada satu hari nanti royalti yang akan diakui "halal" oleh individu atau golongan tertentu yang berkuasa hanyalah terhad kepada bayaran yang berupa "royalti" dari kawasan atau konsesi balak dan lombong... yang keluar dari saku pengusaha-pengusaha luar negeri.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia